

# Baiki komputer riba jana pendapatan

Zakaria sediakan perkhidmatan dengan bayaran berpatutan

Oleh Nas Norziela Nasbah  
nasnorziela@bh.com.my

**Serdang:** Pengalaman menjalankan urusan jual beli sejak berusia 19 tahun ketika berada di kolej matrikulasi banyak mengajar erti jatuh bangun kepada Zakaria Zakarsi, 24, untuk terus maju dalam bidang perniagaan.

Zakaria memilih untuk menjalankan perniagaan menyediakan perkhidmatan membaiki komputer riba atau laptop yang sememangnya menjadi peralatan utama pelajar universiti dalam menyiapkan tugas masing-masing.

Pelajar jurusan Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Universiti Putra Malaysia (UPM) itu berkata, idea untuk menjalankan perniagaan memberi perkhidmatan itu didorong dengan tabiat suka membantu dengan menyediakan perkhid-



## INFO

### MUHAMMAD ZAKARIA ZARKASI

- Tarikh lahir: 2 September 1995
- Asal: Tanjong Karang, Selangor
- Jurusan: Sains komputer dan Teknologi Maklumat UPM

matan yang rata-rata amat diperlukan oleh rakan universiti sepanjang bergelar pelajar.

“Komputer riba amat sinonim dengan pelajar universiti kerana kami menggunakan-

nya sebagai alat untuk tempat menyiapkan tugas namun apakah perasaan seseorang jika komputer mereka rosak atau mengalami masalah yang perlu diperbaiki dengan keadaan segera?.

“Oleh itu, dengan kepakaran dan minat, saya membuka sebuah perniagaan yang dinamakan TECHOUZ yang menawarkan perkhidmatan memperbaiki masalah komputer riba pelanggan,” katanya kepada *BH Varsiti*.

Ditanya mengapa memilih perniagaan perkhidmatan seperti ini, Zakaria berkata, dorongan suka bergaul dan melihat orang sekeliling gembira, menggerakkan hatinya untuk membantu dalam menyediakan perkhidmatan memperbaiki komputer di kampus.

“Apabila saya memberi servis kepada pelanggan, saya memegang kepada tiga perkara utama ini iaitu menyelesaikan masalah komputer riba dan komputer pelanggan dengan pantas serta harga berpatutan.

“Selain itu, servis sepanjang dua hari dan bagi mereka yang berada di sekitar kampus, tiada caj bayaran dikenakan bagi perkhidmatan mengambil atau menghantar komputer riba ma-



**Zakaria terima maklum balas positif** pelanggannya yang mendapatkan perkhidmatan baiki komputer riba.

sing-masing ke kolej kediaman.

“Tiga elemen utama dalam perkhidmatan TECHOUZ itu menjadi keutamaan saya dan kini bergerak bersama-samarakan lain bagi memajukan lagi perniagaan ini,” katanya.

Turut berkongsi dorongan ain, Zakaria mengakui keluar-gannya menjadi pendorong kuat kepada anak muda itu selain mahu mengubah nasib.

“Saya bukan datang daripada keluarga yang berada namun tetap bersyukur kerana sebagai anak orang kampung saya mahu mengubah nasib keluarga sejak saya bersekolah lagi.

“Seperti saya kongsi kan pen-

galaman menjual macam-macam barang sejak di kolej matrikulasi, saya tidak terlepas menghadapi pelbagai cabaran antaranya berdepan dengan masalah aliran tunai atau *cash flow* yang nampak untung besar pada asalnya sebenarnya sehingga sekarang saya tidak tahu ke mana pergi duit itu.

“Pentingnya di sini penja-gaan dan ilmu untuk aliran tunai jika seseorang itu mahu menjalankan perniagaan yang stabil,” katanya yang turut menasihatkan anak muda untuk banyakkannya membaca dan menuntut ilmu dalam bidang perniagaan.